



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PPP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**26 JUN 2023 (ISNIN)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**26 JUN 2023 (ISNIN)**

**Johor Bahru**

**K**erajaan sedang mengkaji lokasi sesuai bagi membangunkan stesen minyak tanpa subsidi di daerah ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Beliau berkata kajian terperinci perlu dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), memandangkan Johor bersempadan dengan Singapura dan banyak kenderaan dari republik itu mengisi petrol di bandar raya ini.

"Menerusi projek rintis di dua stesen minyak tanpa subsidi yang dibuka di Padang Besar dan Wang Kelian, Perlis, ia dapat menjimatkan hampir RM6 juta peruntukan subsidi minyak kerajaan.

"Di Johor Bahru ini, kita sedang buat kajian terperinci kalau ada tempat sesuai, kita akan buka untuk mengelakkan atau meminimumkan aktiviti pembelian minyak bersubsidi (oleh kenderaan asing)," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran iTTV e-Learning Rahmah di Kempas di sini, kelmarin.

Pada 18 Mei lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilapor berkata KPDN kini di peringkat akhir untuk memuktamadkan pelaksanaan stesen minyak tanpa subsidi di beberapa negeri lain selepas projek rintis dilaksanakan di Perlis.

Ahmad Zahid dipetik berkata KPDN sedang peringkat akhir memuktamadkan pelaksanaan stesen minyak tanpa subsidi terutamanya di Kelantan dan akan disusuli dengan Kedah, Perak, Sarawak, Sabah dan Johor.

Sementara itu, Salahuddin turut mengingatkan bahawa kenderaan berpendaftaran asing tidak dibenarkan mengisi petrol bersubsidi RON95.



KENDERAAN berpendaftaran asing tidak dibenarkan mengisi petrol bersubsidi RON95.

# Bina stesen minyak tanpa subsidi

*Projek rintis di Perlis dapat menjimatkan RM6j peruntukan subsidi minyak kerajaan*

narkan mengisi petrol bersubsidi RON95 termasuklah mengisikannya ke dalam tong untuk kegunaan kenderaan lain kerana subsidi petrol hanya diberikan kepada rakyat Malaysia.

"Berhubung kes tular melibatkan warga Singapura mahu membeli bahan api itu, bukti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) menunjukkan dia tidak sempat membelinya. Alasan diberi iaitu untuk kegunaan go-kart...saya sedang menunggu laporan daripada KPDN Johor, jika pemilik stesen melakukan kesalahan, mereka boleh didakwa mengikut undang-undang," katanya.

Kelmarin, Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri Asisten Komisioner Rahmat Ariffin dilapor berkata pihaknya membuka satu kertas siasatan berhubung kes pertengkaran mulut melibatkan seorang penghantar makanan dan dua lelaki warga asing di sebuah stesen minyak di Iskandar Puteri pada 16 Jun lepas.

Mengenai iTTV e-Learning Rahmah, Salahuddin berkata pelaksanaan Pakej Tuisyen Rahmah itu dapat memanfaatkan ribuan pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara, khususnya daripada keluarga kurang berkemampuan.

Beliau berkata pelaksanaan pakej tersebut bertujuan membantu kumpulan miskin tegar dan golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan pendidikan tambahan demi masa depan mereka.

"Pakej ini menyasarkan murid daripada darjah empat hingga pelajar tingkatan lima dengan penyediaan lebih 3,000 video tutorial berdasarkan sukatan kurikulum Kementerian Pendidikan," katanya sambil menambah pelancaran pakej itu turut membuktikan inisiatif Payung Rahmah masih diterima rakyat Malaysia.



Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub (centre) with recipients of the Tokoh Kepimpinan Pendidikan and Tokoh Guru Daerah Johor Baru awards at the Rahmah ITTV e-Learning launch ceremony in Kempas, Johor, yesterday. PIC BY NUR AISYAH MAZALAN

DETAILED STUDY

# NON-SUBSIDISED PETROL STATION SPOT SOUGHT

Government identifying location in JB as many Singapore vehicles fuel up there

JOHOR BARU

**T**HE government is trying to identify a location for a non-subsidised petrol station in this district, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub yesterday.

He said a study was being carried out by the ministry, given that Johor borders Singapore and many vehicles from the republic fuelled up in Johor Baru.

"The pilot project of opening two (such) petrol stations in Padang Besar and Wang Kelian, Perlis, has helped save nearly RM6 million in fuel subsidy allocations.

"In Johor Baru, we are doing a detailed study, and if there is a suitable place, we will open it to prevent or minimise the purchase of subsidised petrol (by owners of foreign-registered vehicles)."

He said this after the Rahmah ITTV e-Learning launch in Kempas here.

On May 18, Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said the ministry was in the final stages of finalising the details on the implementation of non-subsidised petrol stations in other states after the pilot project was implemented in Perlis.

Salahuddin also issued a reminder that foreign-registered vehicles were not allowed to fill up subsidised petrol, RON95, and this included buying the fuel in containers as the petrol subsidy was only for Malaysians.

"In relation to a video that went viral involving a Singaporean who wanted to buy petrol, the closed-circuit television footage showed that the buyer was not

able to do so.

"The Singaporean said the fuel was for a go-kart... I am waiting for a report from the Johor office of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

"If the petrol station owner committed an offence, he can be prosecuted," he said.

On Friday, Iskandar Puteri police chief Assistant Commissioner Rahmat Ariffin said police had opened an investigation paper in connection with an altercation involving a food delivery rider and two foreign men at a petrol station in Iskandar Puteri on June 16.

On the ITTV e-Learning Online Tuition Rahmah Package, Salahuddin said its implementation was expected to benefit thousands of primary and secondary school students, especially those from low-income families.

"This package targets school kids from Year Four to Form Five with the provision of more than 3,000 tutorial videos based on the Education Ministry's curriculum." **Bernama**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**26 JUN 2023 (ISNIN)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 26 JUN 2023**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
26-Jun	WAWANCARA EKSklusif Ops Manis banteras manipulasi bekalan gula	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/265009">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/265009</a>	SH
26-Jun	300 ekor ayam harga RM1 habis dijual dalam 10 minit	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/25/300-ekor-ayam-harga-rm1-habis-dijual-dalam-10-minit/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/25/300-ekor-ayam-harga-rm1-habis-dijual-dalam-10-minit/</a>	KOSMO
26-Jun	Govt to study location for non-subsidised petrol station in JB	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/06/923906/govt-study-location-non-subsidised-petrol-station-jb">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/06/923906/govt-study-location-non-subsidised-petrol-station-jb</a>	NST
26-Jun	Kerajaan kaji lokasi stesen minyak tanpa subsidi di JB	<a href="https://m.malysiakini.com/news/669843">https://m.malysiakini.com/news/669843</a>	MALYSIAKINI
26-Jun	KPDN Sabah diminta kerap turun pandang pantau harga ayam	<a href="https://youtu.be/peuTevl3gK0">https://youtu.be/peuTevl3gK0</a>	ASTROAWANI
26-Jun	Harga ayam naik di Lahad Datu undang keluhan penduduk	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/215141/harga-ayam-naik-di-lahad-datu-undang-keluhan-penduduk/">https://www.dailyexpress.com.my/news/215141/harga-ayam-naik-di-lahad-datu-undang-keluhan-penduduk/</a>	DAILYEXPRESS
26-Jun	Tired of Foreigners Filling RON95, Govt is Identifying JB Location For a Non-Subsidised Petrol Station	<a href="https://worldofbuzz.com/tired-of-foreigners-filling-ron95-govt-is-identifying-jb-location-for-a-non-subsidised-petrol-station/">https://worldofbuzz.com/tired-of-foreigners-filling-ron95-govt-is-identifying-jb-location-for-a-non-subsidised-petrol-station/</a>	WORLDBUZZ